

UNTUK PENYIARAN 12 SEPTEMBER 2023

Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara

Di Thailand, Kemboja dan Sri Lanka, penganut Buddha melihat kaitan yang kuat antara agama dan negara mereka, begitu juga penganut Islam di Malaysia dan Indonesia

OLEH *Jonathan Evans, Kelsey Jo Starr, Manolo Corichi dan William Miner*

UNTUK MEDIA ATAU PERTANYAAN LAIN:

Jonathan Evans, Penyelidik Kanan
Achsah Callahan, Pengurus Komunikasi
Gar Meng Leong, Pengurus Komunikasi
202.419.4372
www.pewresearch.org

PETIKAN YANG DISYORKAN

Pew Research Center, September 2023, "Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara"

Perihal Pew Research Center

Pew Research Center ialah badan fakta tidak berpihak dan berkecuali yang memberitahu orang ramai tentang isu, sikap dan trend yang membentuk dunia. Ia tidak mengambil pendirian dasar. Pew Research Center menjalankan pungutan pendapat awam, penyelidikan demografi, penyelidikan sains sosial pengkomputeran dan penyelidikan lain yang berpandukan data. Ia mengkaji politik dan dasar; kebiasaan berita dan media; Internet dan teknologi; agama; ras dan bangsa; hal ehwal antarabangsa; trend sosial, demografi dan ekonomi; bidang sains; metodologi penyelidikan dan sains data; serta imigrasi dan migrasi. Pew Research Center ialah sebuah subsidiari The Pew Charitable Trusts, pendana utamanya.

© Pew Research Center 2023

Penghargaan

Laporan ini dikeluarkan oleh Pew Research Center sebagai sebahagian daripada projek Pew-Templeton Global Religious Futures, yang menganalisis perubahan agama dan kesannya terhadap masyarakat di seluruh dunia. Pendanaan untuk projek Global Religious Futures datang daripada The Pew Charitable Trusts dan John Templeton Foundation (bantuan 61640).

Laporan ini merupakan usaha kerjasama berdasarkan input dan analisis individu berikut. Dapatkan laporan yang berkaitan secara dalam talian pada pautan pewresearch.org/religion.

Pasukan Penyelidikan

Jonathan Evans, *Penyelidik Kanan*
Alan Cooperman, *Pengarah Penyelidikan Agama*
Kelsey Jo Starr, *Juruanalisis Penyelidikan*
Manolo Corichi, *Juruanalisis Penyelidikan*
William Miner, *Pembantu Penyelidik*

Pasukan Kaedah

Patrick Moynihan, *Pengarah Bersekutu Kaedah Penyelidikan Antarabangsa*
Sofi Sinozich, *Ahli Metodologi Tinjauan Antarabangsa*
Clark Letterman, *Pengurus Tinjauan Kanan*

Editorial dan Reka Bentuk Grafik

Michael Lipka, *Pengarah Bersekutu Penyelidikan Berita dan Maklumat*
Rebecca Leppert, *Editor Naskhah*
Bill Webster, *Pereka Grafik Maklumat Kanan*

Komunikasi dan Penerbitan Web

Achsah Callahan, *Pengurus Komunikasi*
Gar Meng Leong, *Pengurus Komunikasi*
Janakee Chavda, *Penerbit Digital*
Anna Schiller, *Pengarah Bersekutu Komunikasi*
Stacy Rosenberg, *Pengarah Strategi Digital*

Orang lain di Pew Research Center yang memberikan sumbangan kepada laporan ini termasuk Neha Sahgal, Conrad Hackett, Anne Fengyan Shi, Yunping Tong, Laura Silver, Jeff Diamant, Janell Fetterolf, Gregory A. Smith, Besheer Mohamed, Samirah Majumdar, Becka A. Alper, Neil Ruiz dan Gracie Martinez.

Bekas kakitangan Pew Research Center yang memberikan sumbangan kepada laporan ini termasuk Ariana Monique Salazar, Adam Wolsky, Scott Gardner, Stacy Pancratz, Martha McRoy, Alexandra Castillo, Omkar Joshi, Mark Wang, Abby Budiman, Kat Devlin dan James Bell.

Pew Research Center terhutang budi kepada panel penasihat pakar yang telah memberikan panduan pada semua peringkat laporan ini: Thomas Borchert, profesor agama di University of Vermont; Erik Davis, profesor kajian agama di Macalester College; Chiara Formichi, profesor kajian Asia di Cornell University; Alexandra Kent, penyelidik dalam bidang antropologi sosial yang tergabung dengan Bahagian Sosiologi dan Sains Kerja di University of Gothenburg; Neena Mahadev, penolong profesor antropologi di Yale-NUS College; Anna Sun, profesor madya kajian agama dan sosiologi di Duke University; Alicia Turner, profesor madya ilmu kemanusiaan dan kajian agama di York University (Toronto); dan Erick White, sarjana bebas.

Kerja lapangan untuk tinjauan telah dijalankan di bawah arahan Langer Research Associates.

Walaupun analisis laporan ini telah dibimbing oleh perundingan kami dengan penasihat, Pew Research Center bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pentafsiran dan pelaporan data.

Cara kami melakukannya

Bagi laporan ini, kami telah meninjau 13,122 orang dewasa di enam buah negara di Asia, dengan menggunakan kaedah perwakilan pada peringkat kebangsaan. Temu duga telah dijalankan secara bersemuka di Kemboja, Indonesia, Sri Lanka dan Thailand. Ia telah dijalankan pada telefon bimbit di Malaysia dan Singapura. Penemu duga setempat telah melaksanakan tinjauan dari bulan Jun hingga September 2022, dalam lapan bahasa.

Tinjauan ini merupakan sebahagian daripada [Projek Pew-Templeton Global Religious Futures](#), suatu usaha yang lebih meluas oleh Pew Research Center untuk mengkaji perubahan agama dan kesannya terhadap masyarakat di seluruh dunia. Sebelum ini, Pew Research Center telah menjalankan tinjauan bertumpukan agama di [Afrika sub-Sahara](#); [rantau Timur Tengah-Afrika Utara](#) dan banyak negara lain dengan [populasi penganut Islam yang besar](#); [Amerika Latin](#); [Israel](#); [Eropah Tengah dan Timur](#); [Eropah Barat](#); [India](#); dan [Amerika Syarikat](#).

Tinjauan ini merangkumi tiga buah negara yang dalamnya penganut Buddha merupakan majoriti populasi (Kemboja, Sri Lanka dan Thailand); dua buah negara dengan majoriti penganut Islam (Malaysia dan Indonesia); dan sebuah negara yang terpelbagai dari segi agama, dengan tiada satu kumpulan yang membentuk majoriti (Singapura). Kami juga meninjau lima buah negara dan wilayah tambahan di Asia, yang akan dirangkumi dalam laporan akan datang.

Untuk meningkatkan kefahaman responden mengenai soalan tinjauan dan bagi memastikan bahawa semua soalan adalah sesuai dari segi budaya, Pew Research Center telah mengikut proses pembangunan soal selidik berbilang fasa yang merangkumi perundingan dengan pakar akademik, serta kumpulan tumpuan dan temu duga yang mendalam di beberapa buah negara Asia. Tambahan lagi, suatu praujian telah dijalankan di setiap buah negara sebelum tinjauan kebangsaan dilaksanakan. Soal selidik telah dibangunkan dalam bahasa Inggeris dan diterjemahkan ke dalam tujuh bahasa. Terjemahan telah ditentusahkan secara bebas oleh ahli linguistik profesional dengan kecekapan penutur asli.

Responden telah dipilih dengan menggunakan reka bentuk sampel berasaskan kebarangkalian. Di Thailand, hal ini merangkumi temu duga tambahan di rantau selatan negara itu, yang mempunyai bahagian lebih besar yang merupakan penganut Islam. Data telah diberatkan untuk mengambil kira kebarangkalian yang berbeza bagi pilihan dalam kalangan responden dan untuk menjajarkan dengan tanda aras demografi bagi populasi dewasa setiap buah negara.

Untuk mendapatkan lebih maklumat, rujuk kepada [bahagian Metodologi laporan \(dalam bahasa Inggeris\)](#). Analisis ini adalah berdasarkan [soal selidik ini \(dalam bahasa Inggeris\)](#).

Cara kami memilih negara-negara dalam kajian ini

Tinjauan Pew Research Center yang terdahulu mengenai agama di seluruh dunia telah memberikan tumpuan pada [rantau geografi yang jelas](#), [negara individu](#) atau [kumpulan agama tertentu](#). Kumpulan enam buah negara dalam tinjauan ini – tiga dengan majoriti penganut Buddha, dua dengan majoriti penganut Islam dan satu yang bercampur dari segi agama – mungkin nampaknya seperti perkumpulan yang kurang lazim. Walaupun negara-negara ini adalah agak dekat dari segi geografi, bukan keenam-enamnya adalah di Asia Tenggara (Sri Lanka biasanya dikumpulkan dengan Asia Selatan), dan beberapa buah negara Asia Tenggara tidak terangkum dalam kajian.

Walau bagaimanapun, matlamat penting tinjauan adalah untuk memeriksa dengan teliti agama di Asia Tenggara, dan terutamanya agama Buddha. Tinjauan ini merangkumi tiga daripada tujuh buah negara majoriti penganut Buddha di dunia – Kemboja, Sri Lanka dan Thailand. Penganut Buddha di negara-negara ini lebih banyak mengikut [tradisi Theravada](#), suatu sebab penting untuk merangkumi Sri Lanka, yang juga mempunyai [pertalian budaya dan agama yang lama](#) dengan beberapa buah [negara Asia Tenggara](#).

Laos dan Myanmar (juga dipanggil Burma) juga merupakan negara Asia Tenggara, majoriti penganut Buddha dalam tradisi Theravada, tetapi hakikat politik dan kebimbangan keselamatan di negara-negara itu tidak membenarkan tinjauan yang boleh dipercayai dan bebas untuk dijalankan mengenai tajuk sensitif pada masa ini.

Negara-negara yang terangkum dalam tinjauan ini



“Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara”

PEW RESEARCH CENTER

Tinjauan ini juga merangkumi negara majoriti penganut Islam iaitu Indonesia dan Malaysia serta negara Singapura yang terpelbagai dari segi agama untuk menawarkan perspektif perbandingan mengenai persilangan agama dan identiti kebangsaan di Asia Tenggara.

Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara

Di Thailand, Kemboja dan Sri Lanka, penganut Buddha melihat kaitan yang kuat antara agama dan negara mereka, begitu juga penganut Islam di Malaysia dan Indonesia

Ketika beberapa amalan dan falsafah berhubung dengan agama Buddha telah menjadi lebih biasa di Amerika Syarikat dan negara Barat yang lain, ramai rakyat Amerika A.S. mungkin mengaitkan agama Buddha dengan keprihatinan atau meditasi. Walau bagaimanapun, di bahagian lain dunia, **agama Buddha bukan sahaja merupakan falsafah tentang akal dan tubuh – ia merupakan bahagian utama identiti kebangsaan.**

Di Kemboja, Sri Lanka dan Thailand – negara-negara tempat sekurang-kurangnya 70% daripada orang dewasa ialah penganut Buddha – lebih daripada sembilan-dalam-sepuluh penganut Buddha berkata bahawa **menjadi penganut Buddha adalah penting untuk benar-benar menjadi sebahagian daripada negara mereka**, mengikut tinjauan Pew Research Center tahun 2022 mengenai enam buah negara di Asia Selatan dan Tenggara.

Contohnya, 95% daripada penganut Buddha Sri Lanka berkata bahawa menjadi penganut Buddha adalah penting untuk benar-benar menjadi rakyat Sri Lanka – termasuk 87% yang berkata bahawa agama Buddha adalah *sangat* penting untuk menjadi rakyat Sri Lanka yang sebenar.

Agama dan identiti kebangsaan terikat bersama di negara-negara majoriti penganut Buddha

% daripada penganut Buddha yang berkata bahawa menjadi penganut Buddha adalah penting untuk benar-benar menjadi ____ (cth., benar-benar menjadi rakyat Kemboja)



Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran. "Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara"


PEW RESEARCH CENTER

Walaupun kebanyakan orang di negara-negara ini mengidentifikasi diri mereka sebagai penganut Buddha dari segi agama, terdapat **persetujuan yang meluas bahawa agama Buddha adalah lebih daripada sesuatu agama**.¹ Majoriti besar penganut Buddha di Kemboja, Sri Lanka dan Thailand bukan sahaja menggambarkan agama Buddha sebagai “agama pilihan yang dianuti seseorang” tetapi juga berkata bahawa agama Buddha ialah “budaya seseorang” dan “tradisi keluarga yang mesti diikuti seseorang.”

Di samping itu, kebanyakan penganut Buddha di negara-negara ini melihat agama Buddha sebagai “bangsa kelahiran seseorang” – 76% daripada penganut Buddha Kemboja mempunyai pandangan ini, sebagai contoh.

Ramai penganut Buddha Thai melihat agama Buddha sebagai suatu bangsa

% daripada penganut Buddha yang berkata bahawa agama Buddha boleh digambarkan sebagai ____, mengikut negara



Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran.

“Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara”

PEW RESEARCH CENTER

¹ Kemboja, Sri Lanka dan Thailand ialah tiga daripada tujuh buah negara di dunia dengan majoriti penganut Buddha. Empat negara lain (Bhutan; Burma, juga dikenali sebagai Myanmar; Laos; dan Mongolia) tidak ditinjau disebabkan oleh cabaran politik dan/atau logistik.

Agama Buddha dan undang-undang nasional di negara majoriti Buddha

Kepentingan agama Buddha dalam identiti kebangsaan dicerminkan dalam **keutamaan yang diberikan oleh ketiga-tiga negara itu kepada agama Buddha**. Di bawah [perlembagaan Kemboja](#), agama Buddha ialah agama kebangsaan dan kerajaan dikehendaki supaya menyokong sekolah agama Buddha. [Perlembagaan semasa Sri Lanka](#) menjamin “kedudukan terpenting” agama Buddha dan menugaskan tanggungjawab kerajaan “untuk melindungi dan memupuknya”. Dan perlembagaan Thai berturut-turut sepanjang abad yang lalu telah meningkatkan [keunggulan rasmi agama Buddha](#), dengan [perlembagaan terkini](#) negara itu yang menghendaki kerajaan supaya “mempunyai langkah-langkah dan mekanisme untuk mencegah agama Buddha daripada dijejaskan dalam sebarang bentuk.”

Mengikut tinjauan, **kebanyakan penganut Buddha di ketiga-tiga negara itu menyokong usaha menjadikan dharma Buddha dasar undang-undang** – [suatu konsep meluas](#) yang merangkumi pengetahuan, doktrin dan amalan yang berpunca daripada ajaran Buddha. Perspektif ini hampir sebulat suara dalam kalangan penganut Buddha Kemboja (96%), manakala majoriti yang lebih kecil penganut Buddha di Sri Lanka (80%) dan Thailand (56%) menyokong usaha menjadikan ajaran dan amalan penganut Buddha dasar undang-undang.

Penganut Buddha Kemboja amat sangat menyokong usaha menjadikan dharma dasar undang-undang

% daripada penganut Buddha yang menyokong usaha menjadikan dharma dasar undang-undang di negara mereka



Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran.

“Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara”

PEW RESEARCH CENTER


Peranan pemimpin agama dalam bidang politik

Apabila ditanya tentang peranan pemimpin agama dalam perkhidmatan dengan orang ramai, **penganut Buddha Kemboja sekali lagi menonjol sebagai yang paling berkemungkinan menyokong persilangan antara agama dan kerajaan.** Contohnya, 81% daripada penganut Buddha Kemboja berkata bahawa pemimpin agama seharusnya mengundi dalam pilihan raya politik, suatu pendirian yang dipegang oleh bahagian yang lebih kecil penganut Buddha di Sri Lanka (66%) dan Thailand (54%). ([Perlembagaan Thai melarang](#) sami, rahib pelatih, orang zahid dan pendeta Buddha daripada mengundi.)

Bahkan di Kemboja pun, dengan sokongan hampir sebulat suara untuk menjadikan dharma Buddha dasar undang-undang, tidak lebih daripada separuh penganut Buddha berkata bahawa pemimpin agama seharusnya mengambil bahagian dalam bantahan politik (50%), berbincang secara terbuka mengenai ahli politik yang disokong (47%) atau sendiri menjadi ahli politik (45%).

Penganut Buddha Kemboja menyatakan sokongan pada tahap yang tinggi secara perbandingan untuk penglibatan pemimpin agama dalam bidang politik

% daripada **penganut Buddha** yang berkata bahawa pemimpin agama seharusnya ____, mengikut negara



Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran.

“Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara”


PEW RESEARCH CENTER

Peranan Islam di Indonesia dan Malaysia

Dalam beberapa segi, kaitan agama Buddha dengan identiti kebangsaan di negara-negara ini adalah serupa dengan peranan Islam di negara berjiran majoriti penganut Islam, iaitu Indonesia dan Malaysia. **Hampir semua penganut Islam di kedua-dua buah negara ini berkata bahawa menjadi penganut Islam adalah penting untuk benar-benar menjadi rakyat Indonesia atau Malaysia.** Dan penganut Islam di kedua-dua buah negara ini biasanya menggambarkan Islam sebagai suatu budaya, tradisi keluarga atau bangsa – bukan sahaja “agama pilihan yang dianuti seseorang.” Contohnya, tiga suku daripada penganut Islam Malaysia berkata bahawa Islam merupakan “bangsa kelahiran seseorang.”

Kebanyakan penganut Islam Indonesia dan Malaysia menggambarkan Islam sebagai lebih daripada suatu agama

% daripada **penganut Islam** yang berkata bahawa Islam boleh digambarkan sebagai ____, mengikut negara



Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran.

“Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara”

PEW RESEARCH CENTER

Sejak keluar daripada zaman penjajahan pada abad ke-20, dua buah negara ini telah mengikut jalan yang berbeza bagi peranan agama dalam kerajaan, tetapi kebanyakan penganut Islam di kedua-dua negara itu menyokong menjadikan undang-undang syariah dijadikan sebagai undang-undang rasmi di tanah itu. Penganut Islam di Malaysia, tempat Islam **merupakan agama rasmi**, amat sangat menyokong menggunakan undang-undang syariah sebagai undang-undang kebangsaan (86%). Kebanyakan penganut Islam Malaysia juga telah menyokong menjadikan undang-undang Islam sebagai undang-undang rasmi tanah Malaysia sedekad lebih awal, dalam [tinjauan Pew Research Center tahun 2011-2012](#) (tersedia dalam bahasa Inggeris) mengenai negara-negara dengan populasi penganut Islam yang besar.²


² Walaupun tinjauan Malaysia tahun 2022 telah dijalankan melalui telefon, tinjauan Malaysia tahun 2011-2012 telah dijalankan secara bersemuka.

Sokongan terhadap undang-undang syariah adalah agak lebih rendah dalam kalangan penganut Islam di Indonesia, tempat penggubal [perlembagaan tahun 1945](#) akhirnya [menolak cadangan bahasa](#) yang akan menyokong Islam secara eksplisit tetapi memasukkan bahasa yang menyatakan bahawa kerajaan adalah “berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan yang Maha Esa.” [Hasil kompromi ini kadang-kadang diklasifikasikan](#) sebagai “sekularisme lembut” dengan “pengasingan antara kerajaan dan agama yang relatif (bukan mutlak).” Namun begitu, kini 64% daripada penganut Islam Indonesia berkata bahawa undang-undang syariah seharusnya digunakan sebagai undang-undang tanah Indonesia. Begitu juga majoriti penganut Islam di negara itu menyokong menjadikan undang-undang Islam sebagai undang-undang kebangsaan rasmi apabila ditanya pada tahun 2011-2012.

Penganut Islam di Indonesia serta Malaysia lebih berkemungkinan daripada penganut Buddha yang ditinjau di negara-negara berjiran untuk menyokong peranan profil tinggi bagi pemimpin agama dalam bidang politik. Contohnya, kebanyakan penganut Islam di Indonesia (58%) dan Malaysia (69%) berkata bahawa pemimpin agama seharusnya berbincang secara terbuka mengenai ahli politik dan parti politik yang disokong, manakala kira-kira separuh atau kurang penganut Buddha di Kemboja, Sri Lanka dan Thailand menyokong tahap interaksi agama ini dalam bidang politik.

Kebanyakan penganut Islam Malaysia berkata bahawa pemimpin agama seharusnya menjadi ahli politik serta berbincang tentang pendapat politik mereka

% daripada penganut Islam yang berkata bahawa pemimpin agama seharusnya ____, mengikut negara



Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran.

“Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara”

PEW RESEARCH CENTER


Sikap terhadap agama lain

Di samping tiga negara majoriti penganut Buddha dan dua negara majoriti penganut Islam ini, tinjauan juga merangkumi Singapura, yang tidak mempunyai majoriti dari segi agama dan mengikut beberapa ukuran, merupakan [masyarakat yang paling terpelbagai di dunia dari segi agama](#). Mengikut [banci terkini](#), 31% daripada orang dewasa Singapura mengidentifikasikan diri sebagai penganut Buddha, 20% tidak bergabung dari segi agama (iaitu, mereka berkata bahawa mereka tidak beragama), 19% beragama Kristian, dan 15% ialah penganut Islam. 15% populasi selebihnya merangkumi penganut Hindu, Sikh, Taoisme dan orang yang mengikut agama tradisional Cina, antara lain. (Untuk mendapatkan lebih maklumat mengenai komposisi agama Singapura dan cara ia telah lama-kelamaan berubah, baca [“Identiti keagamaan Singapura yang berubah-ubah.”](#))

Kebanyakan rakyat Singapura (56%) berkata bahawa mempunyai pelbagai agama, kumpulan etnik dan budaya menjadikan negara mereka sebuah tempat tinggal yang lebih baik, sementara tidak ramai rakyat Singapura (4%) berkata bahawa ia menjadikan negara mereka tempat tinggal yang lebih teruk. (Kebanyakan responden lain, 37%, berkata bahawa kepelbagaian tidak membawa banyak perbezaan.) Dan mengenai beberapa langkah toleransi agama, rakyat Singapura menyatakan pandangan yang bersifat menerima kumpulan lain secara umum. Contohnya, hampir sembilan-dalam-sepuluh orang dewasa di Singapura berkata bahawa agama Kristian, Islam,

Tidak ramai yang menyatakan sentimen negatif tentang kepelbagaian di negara mereka

% yang berkata bahawa mempunyai pelbagai agama, kumpulan etnik dan budaya menjadikan negara mereka ...



Catatan: Lain/Kedua-duanya/Bukan kedua-duanya/Bergantung /Tidak tahu/Enggan menjawab tidak ditunjukkan.

Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran.

“Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara”

PEW RESEARCH CENTER

Hindu dan agama tradisional Cina kesemuanya serasi dengan budaya dan nilai-nilai Singapura.³

Walaupun Singapura kadang-kadang menonjol kerana tahap toleransi tinggi yang dinyatakan oleh penduduknya, orang dewasa di Malaysia dan Sri Lanka (kedua-dua 62%) lebih berkemungkinan daripada mereka di Singapura (56%) untuk berkata bahawa kepelbagaian agama, bangsa dan budaya membawa manfaat kepada negara mereka. **Pada umumnya, toleransi terhadap agama lain disokong secara meluas di keenam-enam negara.** Dalam kalangan semua kumpulan agama utama, kebanyakan orang berkata bahawa mereka akan sanggup menerima ahli komuniti agama yang berbeza sebagai jiran. Contohnya, 81% daripada penganut Buddha Sri Lanka berkata bahawa mereka akan sanggup mempunyai jiran Hindu, dan bahagian serupa penganut Hindu Sri Lanka (85%) berkata perkara yang sama tentang penganut Buddha.

Dan pada keseluruhannya, orang ramai di kebanyakan negara yang ditinjau cenderung melihat agama lain sebagai serasi dengan budaya dan nilai-nilai kebangsaan mereka. Di Malaysia dengan majoriti penganut Islam, 67% berkata bahawa agama Buddha adalah serasi dengan budaya dan nilai-nilai Malaysia. Dan bahkan di Sri Lanka pun, tempat perang saudara tamat sedikit lebih daripada sedekad sebelum tinjauan, 68% daripada populasi berkata bahawa agama Kristian dan agama Hindu adalah serasi dengan budaya dan nilai-nilai Sri Lanka – termasuk 60% daripada penganut Buddha negara itu (komuniti majoriti).

Rakyat Singapura paling berkemungkinan melihat pelbagai agama sebagai serasi dengan masyarakat mereka

% yang berkata bahawa ____ adalah serasi dengan budaya dan nilai-nilai negara mereka, mengikut negara

	Agama Buddha	Agama Islam	Agama Kristian	Agama Hindu	Agama tradisional Cina	Kepercayaan setempat
Kemboja	--	43%	44%	29%	64%	78%
Indonesia	58%	--	60	60	48	56
Malaysia	67	--	65	65	67	67
Singapura	--	88	89	87	89	85
Sri Lanka	--	50	68	68	--	--
Thailand	--	67	73	58	70	84

Catatan: Cahaya warna yang lebih gelap melambangkan nilai yang lebih tinggi. "Agama Buddha" ditanya hanya di Indonesia dan Malaysia. "Islam" ditanya hanya di Kemboja, Singapura, Sri Lanka dan Thailand. "Agama tradisional Cina" dan "Kepercayaan setempat" tidak ditanya di Sri Lanka.

Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran.

"Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara"

PEW RESEARCH CENTER

³ Walaupun Pew Research Center dapat meninjau secara bebas di Singapura, pembaca seharusnya sentiasa ingat sepanjang laporan ini bahawa [kebebasan bersuara](#) dan [kebebasan akhbar](#) dibatasi di Singapura. [Para sarjana telah mengambil maklum](#) bahawa, di Singapura, "orang ramai sering kali menahan diri daripada menyatakan pandangan mereka apabila mereka percaya bahawa kerajaan tidak bersetuju dengan pendapat mereka." Kerajaan Singapura telah meletakkan [penekanan yang tinggi pada pengendalian harmoni agama](#), oleh itu soalan tentang komuniti agama lain mungkin terkesan oleh kecenderungan ini. Walau bagaimanapun, penyelidikan juga menunjukkan bahawa apabila kerajaan tidak mempunyai pendirian yang jelas mengenai sesuatu tajuk, rakyat Singapura [lebih bersedia untuk menyatakan pendapat mereka](#).

Kumpulan agama bukan sahaja sebahagian besarnya menerima satu sama lain sebagai jiran dan rakan warganegara, tetapi dalam banyak hal, juga terdapat **tanda-tanda kepercayaan dan amalan agama yang dikongsi yang melangkaui garis agama**. Contohnya, majoriti yang agak besar dalam hampir setiap komuniti agama yang besar di keenam-enam negara berkata bahawa karma wujud, walaupun kepercayaan kepada karma (idea bahawa orang akan memperoleh manfaat daripada perbuatan baik mereka) tidak, mengikut tradisi, mempunyai kaitan dengan semua kumpulan agama yang ditinjau.⁴

Tambahan lagi, ramai orang bersembahyang kepada atau menyembah dewa atau figura pengasas yang, mengikut tradisi, tidak dianggap sebagai sebahagian daripada dewata agama mereka. Contohnya, 66% daripada penganut Hindu Singapura berkata bahawa mereka bersembahyang kepada atau menyembah Jesus Christ dan 62% daripada penganut Islam Sri Lanka melakukan perkara yang sama kepada Ganesh, dewa Hindu.

“Menyembah” dewa – sering kali dilahirkan melalui gerak isyarat seperti menunduk kepala anda atau merapatkan kedua-dua tapak tangan anda – biasanya difahami di rantau itu sebagai perbuatan memuja atau menghormati dewa dan boleh merangkumi pelbagai amalan, seperti membakar colok/kemenyan, menyediakan persembahan sajian atau membuat hajat kepada dewa. Ini merupakan gerak isyarat penghormatan tinggi atau takzim, meskipun ia mungkin tidak sejajar dengan persepsi Barat, rasmi berkenaan dengan perbuatan bersembahyang atau memuja⁵. (Untuk mendapatkan lebih maklumat mengenai figura yang kepadanya orang bersembahyang atau menyembah, baca [“Bersembahyang kepada atau menyembah figura daripada agama lain.”](#))

Apakah agama tradisional Cina dan kepercayaan setempat?

Kategori “agama tradisional Cina” bersifat boleh berubah namun perlu. Di beberapa negara Asia Tenggara, ramai orang dengan latar belakang etnik Cina mengamalkan aktiviti ritual tradisional di kuil yang diabdikan kepada dewa Confucius, Buddha Mahayana dan Tao, tanpa semestinya mengadakan sempadan yang jelas antaranya.

Dengan kata lain, walaupun tradisi agama Confucius, Buddha dan Tao adalah berlainan antara satu sama lain, sempadan antaranya boleh berubah pada praktiknya. Tambahan pula, orang yang mengikut amalan ini [mungkin tidak mendakwa identiti agama yang berlainan](#).

Kepercayaan setempat merujuk kepada agama yang berkaitan rapat dengan sesuatu kumpulan orang, bangsa atau puak tertentu. Tradisi agama sedemikian mungkin kurang diinstitusikan daripada agama lain yang mempunyai kehadiran global, dan sempadan antara [Kepercayaan setempat dan agama lain](#) boleh menjadi kabur.

⁴ Asal usul karma dari segi agama diperdebatkan oleh sarjana, tetapi konsep ini berakar umbi dalam agama Hindu, Buddha, Sikh dan Jainisme.

⁵ Untuk mendapatkan lebih maklumat mengenai penyembahan roh dan dewa, baca [kajian kes Thai ini](#).

Pembahagian yang jelas – dan ketegangan – antara kumpulan agama

Sungguhpun terdapat pernyataan toleransi dan percampuran agama ini, identiti agama juga boleh menjadi suatu garis yang tegas antara kumpulan di bahagian dunia ini.

Bahkan ramai orang di negara-negara yang ditinjau berkata bahawa tidak boleh diterima jika orang meninggalkan agama mereka atau bertukar kepada kepercayaan lain. Di Indonesia, 92% daripada penganut Islam berkata bahawa tidak boleh diterima jika seseorang meninggalkan agama Islam, dan 83%

daripada penganut Kristian berkata bahawa tidak boleh diterima jika seseorang meninggalkan agama Kristian untuk memeluk agama lain.

Pada keseluruhannya, penganut Islam lebih berkemungkinan daripada komuniti agama lain untuk berkata bahawa perbuatan bertukar daripada agama mereka tidak boleh diterima. Tetapi ini juga pendirian dua pertiga atau lebih penganut Buddha di Kemboja, Sri Lanka dan Thailand – tiga buah negara majoriti penganut Buddha dalam kajian ini.

Penganut Islam lebih berkemungkinan daripada orang lain untuk berkata bahawa perbuatan bertukar daripada agama mereka tidak boleh diterima

% yang berkata bahawa tidak boleh diterima jika seseorang meninggalkan agama responden untuk memeluk agama yang lain, dalam kalangan kumpulan agama setiap negara

	Penganut agama Buddha	Penganut agama Islam	Penganut agama Kristian	Penganut agama Hindu
Kemboja	82%	--	--	--
Indonesia	--	92%	83%	--
Malaysia	51	98	61	68%
Singapura	36	84	42	57
Sri Lanka	74	64	67	74
Thailand	69	93	--	--

Catatan: Sebagai contoh, 82% penganut Buddha Kemboja mengatakan adalah tidak boleh diterima bagi seseorang meninggalkan agama Buddha untuk agama lain. "--" menunjukkan saiz sampel yang mencukupi tidak tersedia untuk analisis. Cahaya warna yang lebih gelap melambangkan nilai yang lebih tinggi.

Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran. "Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara"

PEW RESEARCH CENTER

Di lima daripada enam negara yang ditinjau, hampir semua orang dewasa masih mengidentifikasi diri dengan agama yang dalamnya mereka dibesarkan. Hanya di Singapura terdapat bahagian besar orang dewasa (35%) yang menunjukkan bahawa agama mereka telah berubah semasa hidup mereka. (Untuk mendapatkan maklumat tambahan mengenai penukaran agama di Singapura, baca [“Bahagian rakyat Singapura yang mengidentifikasi diri sebagai penganut Kristian atau tidak bergabung sedang meningkat.”](#))

Lebih-lebih lagi, di beberapa buah negara, bahagian besar melihat agama lain sebagai *tidak serasi* dengan budaya dan nilai-nilai kebangsaan mereka. Contohnya, 45% daripada penganut Buddha Sri Lanka berkata bahawa agama Islam tidak serasi dengan nilai-nilai Sri Lanka, sementara 38% daripada penganut Islam Indonesia berkata bahawa agama Buddha tidak serasi dengan budaya Indonesia.

Di beberapa buah negara, juga terdapat bahagian besar penganut Islam yang berkata bahawa agama Buddha *tidak* damai, dan sebaliknya sesetengah penganut Buddha yang berkata bahawa agama Islam *tidak* damai. Penganut Islam Malaysia terutamanya berkemungkinan melihat agama Buddha sebagai tidak damai (42%), manakala 36% daripada penganut Buddha Thai berkata bahawa agama Islam tidak damai.


Di sesetengah negara, bahagian besar menyatakan perasaan negatif tentang agama Kristian dan Hindu. Di Indonesia, contohnya, 21% daripada orang dewasa Islam yang ditinjau berkata bahawa agama Kristian tidak damai.

Ini merupakan antara dapatan penting tinjauan Pew Research Center yang dijalankan dalam kalangan 13,122 orang dewasa di enam buah negara di Asia Tenggara dan Selatan. Temu duga telah dijalankan secara bersemuka di Kemboja, Indonesia, Sri Lanka dan Thailand, dan pada telefon bimbit di Malaysia dan Singapura. Penemu duga setempat telah melaksanakan tinjauan dari bulan Jun hingga September 2022, dalam lapan bahasa. (Baca [Metodologi dalam bahasa Inggeris](#) dalam laporan untuk mendapatkan butiran lanjut.)

Kajian ini, yang dibiayai oleh The Pew Charitable Trusts dan John Templeton Foundation, merupakan sebahagian daripada usaha yang lebih luas oleh Pew Research Center untuk memahami perubahan agama dan kesannya terhadap masyarakat di seluruh dunia. Sebelum ini,

Di kebanyakan negara, ketekalan yang tinggi antara agama masa kanak-kanak dan agama semasa

% yang berkata bahawa mereka dibesarkan dalam agama sama yang dengannya mereka kini mengidentifikasi diri mereka



Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran.

“Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara”

PEW RESEARCH CENTER

Pew Research Center telah menjalankan tinjauan bertumpukan agama di [Afrika sub-Sahara](#); [rantau Timur Tengah-Afrika Utara](#) dan banyak negara lain dengan [populasi penganut Islam yang besar](#); [Amerika Latin](#); [Israel](#); [Eropah Tengah dan Timur](#); [Eropah Barat](#); [India](#); dan [Amerika Syarikat](#).

Bahagian selebihnya dalam Gambaran Keseluruhan ini merangkumi pelbagai tajuk dengan lebih terperinci, termasuk:

- [Pola yang berbeza berkenaan kepercayaan dan amalan agama dalam komuniti agama dan di negara-negara](#)
- [Dewa-dewa yang kepadanya orang bersembahyang atau menyembah](#)
- [Amalan pengebumian](#)
- [Tahap kewarakan yang berbeza](#) mengikut umur
- Pemeriksaan teliti mengenai agama di Singapura – terutamanya [komposisi agamanya yang berubah-ubah](#) dan [kepercayaan populasinya yang tidak bergabung dari segi agama](#)
- [Pandangan yang lebih mendalam pada cara agama dan identiti kebangsaan bersilang](#)


Pola unik berkenaan kepercayaan di rantau yang sangat warak

Pada umumnya, negara-negara yang ditinjau adalah sangat warak mengikut pelbagai ukuran – termasuk hubungan, kepercayaan dan amalan. Contohnya, hampir semua responden di lima daripada enam negara yang ditinjau mengidentifikasikan diri mereka dengan suatu kumpulan agama, dan majoriti di lima negara yang sama ini berkata bahawa agama adalah sangat penting dalam hidup mereka – termasuk 98% di Indonesia dan 92% di Sri Lanka.

Satu-satunya pengecualian daripada kedua-dua ukuran ini ialah Singapura, tempat 22% daripada orang dewasa tidak mengidentifikasikan diri dengan apa-apa agama, dan hanya 36% daripada orang dewasa berkata bahawa agama adalah *sangat* penting dalam kehidupan mereka.

Kebanyakan orang di negara-negara ditinjau mengidentifikasikan diri mereka sebagai penganut Buddha atau penganut Islam

% daripada orang dewasa di setiap negara yang mengidentifikasikan diri sebagai ...



Catatan: "Agama lain" merangkumi mereka yang telah memilih "Kepercayaan setempat." Susunan kata pilihan jawapan penuh bagi "Agama tradisional Cina" ialah "Agama tradisional Cina, seperti Tao, Confucius atau kepercayaan setempat Cina." Responden di Sri Lanka tidak dikemukakan pilihan "Agama tradisional Cina" atau "Kepercayaan setempat." Tidak tahu/Enggan menjawab tidak ditunjukkan.

Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran.

"Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara"

PEW RESEARCH CENTER

Namun begitu, malah di Singapura, majoriti besar orang dewasa yang ditinjau (87%) berkata bahawa mereka percaya kepada Tuhan atau entiti tidak dapat dilihat, dan kira-kira tujuh-dalam-sepuluh berkata bahawa mereka berpendapat karma dan nasib wujud. Kepercayaan ini adalah lazim di semua negara dalam tinjauan, begitu juga tanggapan bahawa mantera, sumpahan atau sihir lain boleh mempengaruhi kehidupan orang. Kira-kira separuh atau lebih orang dewasa di setiap negara mempunyai pandangan ini, termasuk 55% di Singapura dan 78% di Kemboja.

Majoriti di semua negara yang ditinjau percaya kepada Tuhan atau entiti tidak dapat dilihat

% di setiap negara yang berkata bahawa mereka ...

	Percaya kepada Tuhan atau entiti tidak dapat dilihat	Berpendapat karma wujud	Berpendapat nasib wujud	Menganggap agama sangat penting dalam kehidupan mereka	Berpendapat mantera, sumpahan atau sihir lain mempengaruhi kehidupan orang	Sembahyang setiap hari	Pernah membakar colok/kemenyan	Pernah mengamalkan meditasi	Berasa dilindungi atau diserang oleh kuasa yang tidak dapat dilihat sekurang-kurangnya beberapa kali setahun
Kemboja	78%	97%	90%	67%	78%	23%	96%	22%	43%
Indonesia	100	85	95	98	55	95	7	7	25
Malaysia	99	74	73	85	69	82	13	14	33
Singapura	87	73	70	36	55	43	44	26	33
Sri Lanka	90	88	85	92	54	76	92	62	33
Thailand	81	95	86	65	49	30	84	62	24

Catatan: Cahaya warna yang lebih gelap melambangkan nilai yang lebih tinggi. Responden telah ditanya secara berasingan sama ada mereka percaya kepada Tuhan atau jika mereka berpendapat bahawa terdapat entiti tidak dapat dilihat di dunia, seperti dewa atau roh. Responden telah ditanya secara berasingan berapa kerap mereka mengalami perasaan dilindungi oleh kuasa yang tidak dapat dilihat dan berapa kerap mereka mengalami perasaan diserang oleh kuasa yang tidak dapat dilihat.

Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran.

"Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara"

PEW RESEARCH CENTER

Kadar amalan agama tertentu sering kali berkaitan dengan komposisi agama setiap negara. Contohnya, majoriti yang amat besar di Kemboja (96%), Sri Lanka (92%) dan Thailand (84%) berkata bahawa mereka membakar colok/kemenyan; ketiga-tiganya merupakan negara majoriti penganut Buddha, dan penganut Buddha di Asia Selatan lebih berkemungkinan daripada penganut Hindu, Kristian atau Islam untuk membakar colok/kemenyan. Meditasi juga paling tinggi di negara majoriti penganut Buddha, iaitu Thailand dan Sri Lanka (setiap satu 62%), walaupun penganut Hindu di rantau itu lebih berkemungkinan daripada penganut Buddha untuk berkata bahawa mereka mengamalkan meditasi.

Sebaliknya, sembahyang harian adalah paling lazim di Indonesia dan Malaysia, dua buah negara majoriti penganut Islam dalam tinjauan ini. Dan, di rantau itu, penganut Islam lebih berkemungkinan berkata bahawa mereka sembahyang sekurang-kurangnya sekali sehari daripada penganut Hindu, Kristian atau Buddha.

Mengikut berbilang ukuran, orang dewasa yang tidak bergabung dari segi agama di Singapura adalah antara orang yang paling kurang warak atau spiritual di rantau itu. Tetapi bahagian besar


rakyat Singapura yang tidak bergabung ada menyatakan sedikit kepercayaan keagamaan atau kerohanian atau mengikut beberapa amalan. (Untuk mendapat pandangan yang lebih terperinci mengenai populasi Singapura yang tidak bergabung, baca [“Siapakah orang di Singapura yang tidak mengidentifikasi diri dengan sesuatu agama, dan apakah yang dipercayai oleh mereka?”](#))

Bersembahyang kepada atau menyembah figura daripada agama lain

Di negara-negara yang ditinjau, banyak kepercayaan dan amalan agama dikongsi oleh komuniti agama yang berbeza. Hal ini termasuk kecenderungan untuk menyembah – atau bersembahyang kepada – dewa atau figura agama yang biasanya dikaitkan dengan agama lain.

Rakyat Sri Lanka sering kali bersembahyang kepada atau menyembah figura daripada agama lain

% yang berkata bahawa mereka bersembahyang kepada atau menyembah setiap figura berikut



Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran.

“Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara”

PEW RESEARCH CENTER

Contohnya, hampir satu-dalam-lima orang penganut Buddha Singapura (18%) berkata bahawa mereka bersembahyang kepada atau menyembah Allah, sementara hampir separuh daripada

penganut Hindu Malaysia (47%) berkata bahawa mereka bersembahyang kepada atau menyembah Jesus Christ.

Pada umumnya, penganut Hindu paling berkemungkinan bersembahyang kepada atau menyembah dewa atau figura pengasas yang tidak dikaitkan secara tradisi dengan komuniti mereka, sementara penganut Islam secara amnya paling kurang berkemungkinan untuk melakukan perkara ini. Contohnya, di Singapura, 66% daripada penganut Hindu dan hanya 9% daripada penganut Islam berkata bahawa mereka bersembahyang kepada atau menyembah Jesus Christ. Bahkan orang dewasa Singapura yang tidak bergabung dari segi agama (16%) lebih berkemungkinan daripada penganut Islam negara itu untuk berkata bahawa mereka bersembahyang kepada atau menyembah Jesus Christ.

Sri Lanka, suatu negara pulau di selatan India, juga menonjol sebagai sesuatu tempat orang ramai bersembahyang kepada atau menyembah figura pengasas dan dewa – yang dikaitkan secara tradisi dengan agama mereka serta figura pengasas dan dewa daripada tradisi lain. Contohnya, 48% daripada penganut Kristian Sri Lanka berkata bahawa mereka bersembahyang kepada atau menyembah Ganesh, tuhan permulaan Hindu yang dianggap sebagai [penghilang halangan](#). Tetapi di negara-negara lain yang ditinjau, hanya kira-kira 5% daripada penganut Kristian berbuat demikian. Dan 71% daripada penganut Islam pulau itu berkata bahawa mereka bersembahyang kepada atau menyembah Buddha, manakala sedikit saja penganut Islam di negara lain yang ditinjau melakukan perkara ini.

Di samping Buddha, Allah, Jesus Christ dan Ganesh, tinjauan juga bertanya tentang Mother Mary, Dewa Shiva, Dewa Guanyin dan “roh pelindung” secara am. Untuk mendapatkan lebih maklumat tentang hubungan orang dengan dewa, roh dan figura pengasas agama, baca [Bab 4 \(dalam bahasa Inggeris\)](#).

Amalan pengebumian keagamaan

Ritual yang berkaitan dengan kematian adalah penting bagi semua kumpulan agama utama di negara-negara yang ditinjau.

Contohnya, kebanyakan orang di negara majoriti penganut Buddha, iaitu Kemboja (84%), Sri Lanka (80%) dan Thailand (80%), serta negara majoriti penganut Islam, iaitu Indonesia (72%) dan Malaysia (61%), berkata bahawa adalah sangat penting untuk menjemput seorang pemimpin agama untuk membaca teks suci atau berdakwah jika mereka merancang pengebumian ahli keluarga atau orang yang disayangi.

Kebanyakan orang di negara-negara majoriti penganut Buddha yang ditinjau juga berkata bahawa adalah sangat penting untuk melakukan ritual untuk saudara itu di sebuah kuil atau rumah ibadat lain, dan untuk mendirikan tempat keramat atau altar untuk si mati.⁶ Altar terutamanya dihargai oleh penganut Buddha di negara-negara ini: Contohnya, 63% daripada penganut Buddha Thai berkata bahawa mendirikan altar adalah sangat penting, berbanding dengan hanya 6% daripada penganut Islam Thai yang mengatakan perkara yang sama tentang sebuah tempat keramat. Ramai orang dalam kumpulan agama juga berkata bahawa adalah sangat penting untuk menderma atas nama saudara yang telah meninggal dunia, termasuk 71% daripada penganut Kristian di Indonesia, 61% daripada penganut Islam di Malaysia dan 70% daripada penganut Buddha di Kemboja.

Pada umumnya, orang di Singapura kurang cenderung daripada mereka di negara berjiran untuk berkata bahawa setiap satu daripada empat ritual pengebumian itu adalah sangat penting, walaupun lebih daripada separuh rakyat Singapura berkata bahawa setiap ritual adalah sekurang-kurangnya agak penting jika mereka merancang pengebumian seorang yang disayangi.

Amalan pengebumian keagamaan terutamanya lazim di Kemboja, Sri Lanka, Thailand

% di setiap negara yang berkata bahawa adalah **sangat penting** untuk _____ jika mereka merancang pengebumian ahli keluarga/orang yang disayangi

	Menjemput seorang pemimpin agama untuk membaca teks suci atau berdakwah*	Melakukan ritual di sebuah kuil, masjid atau rumah ibadat lain untuk arwah saudara yang meninggal	Menawarkan derma atas nama saudara yang telah meninggal dunia	Mendirikan tempat keramat/altar untuk saudara yang telah meninggal dunia
Kemboja	84%	75%	70%	74%
Indonesia	72	56	65	31
Malaysia	61	46	58	29
Singapura	37	39	32	27
Sri Lanka	80	73	81	56
Thailand	80	78	43	57

* Penganut Buddha telah ditanya tentang sami atau orang yang berilmu. Penganut Islam telah ditanya tentang imam atau syeikh. Penganut Kristian telah ditanya tentang paderi atau pastor. Penganut Hindu telah ditanya tentang pendeta atau orang yang berilmu. Catatan: Cahaya warna yang lebih gelap melambangkan nilai yang lebih tinggi. Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran. "Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara"


PEW RESEARCH CENTER

⁶ Dalam konteks ini, altar pengebumian boleh difahami sebagai lokasi terangkat yang dikhususkan untuk memperingati orang yang telah meninggal dunia, biasanya di rumah ahli keluarga. Ia boleh berlainan daripada altar utama rumah (jika mereka mempunyainya) atau digabungkan dengan objek suci lain. Altar peringatan boleh merangkumi yang berikut: imej si mati, tempat untuk meletakkan bunga, mangkuk kecil bagi nasi, minuman (sering kali teh) atau kayu colok/kemeryan. Jasad yang telah dibakar juga boleh diletakkan pada altar.

Di negara-negara yang ditinjau, ritual yang berkaitan dengan orang disayangi yang telah meninggal tidak tamat selepas pengebumian. Kebanyakan orang di lima daripada enam negara yang ditinjau (kecuali Malaysia) berkata bahawa seseorang di rumah mereka melakukan ritual pada ulang tahun kematian orang yang disayangi, termasuk 93% di Sri Lanka dan 90% di Thailand. Jenis ritual ini melangkaui garis agama, dengan Sri Lanka sebagai contoh yang paling jelas: Kira-kira lapan-dalam-sepuluh atau lebih penganut Buddha, Islam, Kristian dan Hindu di negara itu berkata bahawa seseorang di rumah mereka melakukan ritual pada ulang tahun kematian.

9 dalam 10 rumah di Sri Lanka dan Thailand melakukan ritual pada ulang tahun kematian

% di setiap negara yang berkata bahawa mereka ...



Catatan: Hanya mereka yang mempunyai tanah perkuburan keluarga telah ditanya tentang menyapu tanah perkuburan atau membayar wang untuk menyelenggarakannya. Walau bagaimanapun, bilangan di sini melambangkan bahagian jumlah populasi yang melakukan setiap aktiviti.

Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran.

"Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara"

PEW RESEARCH CENTER

Mempunyai tanah perkuburan keluarga juga agak lazim di negara-negara ini, iaitu tempat terletak jasad ahli keluarga. Kira-kira separuh daripada responden di lima daripada enam negara yang ditinjau (kali ini, kecuali Sri Lanka) berkata bahawa inilah keadaannya. Dalam kalangan mereka yang mempunyai tanah perkuburan keluarga, kebanyakan orang berkata bahawa mereka menjaganya dengan menyapu atau membersihkannya. Pada umumnya, kurang lazim orang membayar wang untuk menyelenggarakan tanah perkuburan keluarga.

Mengikuti sesetengah ukuran, orang dewasa yang lebih tua adalah lebih warak daripada orang dewasa yang lebih muda

Kerana ini kali pertama Pew Research Center menjalankan tinjauan kebangsaan ekstensif mengenai agama di kebanyakan negara ini, peluang untuk melihat bagaimana kepercayaan dan amalan agama lama-kelamaan berubah adalah terhad.⁷ Tetapi perbezaan antara orang dewasa yang lebih tua dan lebih muda boleh memberikan petunjuk mengenai bagaimana setiap negara berubah dari segi agama.⁸

Di lima daripada enam negara yang ditinjau, hampir bahagian universal orang dewasa yang lebih muda dan lebih tua mengidentifikasikan diri dengan sesuatu agama. Hanya di Singapura yang orang dewasa lebih muda (berumur 18 hingga 34 tahun) sedikit lebih berkemungkinan daripada orang dewasa lebih tua untuk tidak bergabung dari segi agama (26% lwn. 20%).

⁷ Pada tahun 2011-2012, Pew Research Center meninjau [negara-negara dengan populasi penganut Islam yang signifikan](#) di seluruh dunia, termasuk Indonesia dan Malaysia. (Tinjauan sebelumnya juga merangkumi penganut Islam Thai, tetapi temu duga hanya dijalankan di wilayah-wilayah paling selatan negara itu.) Memandangkan perbezaan dalam susunan kata dan terjemahan soalan, hanya perbandingan yang terhad berkenaan kewarakan boleh dibuat antara tinjauan tahun 2011-2012 dan tinjauan tahun 2022, tetapi dapatan menunjukkan bahawa penganut Islam di dua buah negara itu pada kedua-dua masa adalah benar-benar warak. Contohnya, pada tahun 2011-2012, sekurang-kurangnya sembilan-dalam-sepuluh penganut Islam Indonesia dan Malaysia berkata bahawa agama adalah sangat penting dalam kehidupan mereka, dan sekurang-kurangnya sembilan-dalam-sepuluh penganut Islam di kedua-dua negara itu berkata perkara yang sama dalam tinjauan baharu. Walaupun tinjauan Malaysia tahun 2022 telah dijalankan melalui telefon, tinjauan Malaysia tahun 2011-2012 telah dijalankan secara bersemuka.

⁸ Walau bagaimanapun, perbezaan antara responden yang lebih tua dan lebih muda tidak semestinya menunjukkan perubahan lama-kelamaan dalam sesuatu masyarakat. Dalam sesetengah konteks, orang dewasa cenderung [menjadi lebih warak semasa mereka meningkat tua](#), mungkin hasil daripada [berkahwin dan mempunyai anak](#) atau semakin mendekati ajal.

Walau bagaimanapun, di negara-negara yang ditinjau, orang dewasa yang lebih tua adalah lebih berkemungkinan warak daripada mereka yang berumur 18 hingga 34 tahun mengikut sebilangan kecil ukuran standard – sejajar dengan pola umum yang dilihat dalam [suatu analisis Pew Research Center pada tahun 2018](#) mengenai jurang umur dalam kewarakan di seluruh dunia.


Contohnya, di Thailand, Kemboja, Singapura dan Sri Lanka, orang yang berumur 35 tahun dan lebih tua adalah lebih berkemungkinan daripada orang dewasa yang lebih muda untuk berkata bahawa agama adalah sangat penting dalam kehidupan mereka. (Ini bukan keadaannya di dua buah negara majoriti penganut Islam yang ditinjau, tempat terdapat sedikit saja perbezaan dalam ukuran ini antara kumpulan umur.)

Di kebanyakan negara yang ditinjau, orang dewasa yang lebih tua secara amnya lebih berkemungkinan daripada orang dewasa yang lebih muda untuk berkata bahawa pelbagai aktiviti keagamaan adalah sangat penting untuk pengebumian orang yang disayangi.


Contohnya, kira-kira empat-dalam-sepuluh orang dewasa lebih tua di Singapura berkata bahawa jika mereka merancang pengebumian ahli keluarga atau orang yang disayangi, adalah sangat

Orang dewasa yang lebih muda sedikit lebih berkemungkinan daripada orang yang lebih tua untuk mempercayai roh


% di setiap negara yang berkata bahawa agama adalah **sangat penting** dalam kehidupan mereka



% di setiap negara yang berkata bahawa agama adalah **sangat penting** untuk melakukan ritual di kuil, masjid atau rumah ibadat lain untuk arwah saudara yang meninggal, jika mereka merancang pengebumian ahli keluarga/orang yang disayangi



% di setiap negara yang berkata mereka berpendapat bahawa terdapat entiti tidak dapat dilihat di dunia, seperti dewa atau roh



Catatan: Perbezaan yang signifikan dari segi statistik ditandakan dalam huruf **tebal**. Perbezaan dikira sebelum pembundaran.

Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran. "Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara"

PEW RESEARCH CENTER

penting untuk melakukan ritual di kuil, masjid atau rumah ibadat lain untuk arwah saudara yang meninggal. Hanya satu pertiga daripada orang dewasa yang lebih muda di Singapura mengatakan hal ini.

Namun, dalam banyak aktiviti dan kepercayaan agama, orang yang lebih tua dan lebih muda sebahagian besarnya adalah serupa. Contohnya, bahagian serupa orang dewasa yang lebih tua dan lebih muda di keenam-enam negara berkata bahawa mereka menggunakan objek khas untuk mendapatkan restu atau perlindungan.


Lebih-lebih lagi, di beberapa buah negara, orang dewasa lebih tua (berumur 35 tahun dan lebih tua) adalah sedikit *kurang* berkemungkinan daripada orang dewasa yang lebih muda untuk berkata bahawa mereka mempercayai entiti tidak dapat dilihat, seperti dewa atau roh. Contohnya, 61% daripada rakyat Malaysia yang lebih tua berkata mereka berpendapat bahawa terdapat entiti tidak dapat dilihat di dunia, berbanding dengan 67% daripada orang dewasa yang lebih muda di negara yang sama.

Di beberapa buah negara, orang dewasa penganut Buddha yang lebih muda adalah lebih berkemungkinan daripada penganut Buddha yang lebih tua untuk berkata bahawa boleh diterima jika seseorang meninggalkan agama Buddha untuk memeluk agama lain. Contohnya, penganut Buddha Thai yang lebih muda adalah dua kali lebih berkemungkinan daripada mereka yang lebih tua untuk berkata bahawa meninggalkan agama Buddha boleh diterima (46% lwn. 22%).

Dalam kalangan penganut Islam, hanya di Singapura yang orang dewasa lebih muda adalah lebih berkemungkinan daripada penganut Islam lebih tua untuk berkata bahawa boleh diterima jika meninggalkan agama Islam untuk memeluk agama lain (25% lwn. 9%).

Penganut Buddha yang lebih muda bersikap lebih menerima perbuatan bertukar daripada agama Buddha

% daripada **penganut Buddha** di setiap negara yang berkata bahawa boleh diterima jika seseorang meninggalkan agama Buddha untuk memeluk agama lain



Catatan: Perbezaan yang signifikan dari segi statistik ditandakan dalam huruf **tebal**. Perbezaan dikira sebelum pembundaran. Saiz sampel yang mencukupi tidak tersedia untuk menganalisis responden penganut Buddha mengikut umur di Indonesia dan Malaysia. Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran. "Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara"

PEW RESEARCH CENTER

“Sidebar”: Pertumbuhan ekonomi serantau tidak membawa kepada kehilangan agama yang meluas

Suatu teori dalam sains sosial membuat hipotesis bahawa ketika negara semakin maju dari segi ekonomi dan ilmu sains memainkan peranan yang lebih jelas dalam kehidupan sehari-hari, populasi cenderung menjadi kurang warak, sering kali membawa kepada perubahan sosial yang lebih meluas. Dikenali sebagai [“teori pensekularan.”](#) ia terutamanya mencerminkan pengalaman negara-negara Eropah Barat dari akhir Perang Dunia II hingga masa ini, walaupun ia berakar umbi dalam tulisan yang lebih awal.

Penyelidikan akademik baru-baru ini mencadangkan bahawa [perubahan dalam kewarakan yang berpunca daripada pembangunan ekonomi adalah lebih terhad](#) – dikaitkan dengan tahap identifikasi keagamaan atau kehadiran di upacara sembahyang, daripada kepercayaan orang – walaupun yang lain mengemukakan alasan bahawa [pensekularan telah meningkat secara mendadak pada tahun-tahun kebelakangan ini](#). Kerja Pew Research Center sebelumnya mendapati [hanya sokongan minimum untuk teori pensekularan di India](#).

Data dari Sri Lanka dan Asia Tenggara bersifat serbaneka – terdapat beberapa keadaan yang dalamnya pembangunan ekonomi yang lebih tinggi nampaknya wujud seiring dengan agama yang berkurangan, tetapi banyak keadaan lain yang dalamnya tiada korelasi sedemikian. Contohnya, [keluaran dalam negara kasar \(KDNK\) per kapita Singapura](#) adalah kira-kira empat kali besar seperti mana-mana KDNK negara lain yang ditinjau, dan ia mempunyai [bahagian yang jauh terbesar bagi individu yang tidak bergabung dari segi agama](#). Singapura juga mempunyai bahagian paling kecil orang dewasa [yang berkata bahawa agama adalah sangat penting dalam kehidupan mereka](#).

Walau bagaimanapun, orang dewasa di Singapura mempunyai tahap kerohanian atau kewarakan yang sama seperti mereka di negara berjiran mengikut ukuran lain. Contohnya, 87% daripada orang dewasa Singapura berkata bahawa mereka percaya kepada Tuhan atau entiti tidak dapat dilihat – bahagian yang lebih tinggi daripada di Kemboja (78%) atau Thailand (81%). Sementara itu, hampir bahagian yang sama rakyat Singapura (55%), rakyat Indonesia (55%) dan rakyat Sri Lanka (54%) berkata bahawa mantera, sumpahan atau sihir lain boleh mempengaruhi kehidupan orang.

Tambahan pula, keenam-enam negara yang ditinjau telah menikmati kadar pertumbuhan ekonomi yang kukuh sepanjang 30 tahun yang lalu. [KDNK per kapita global](#) pada tahun 2022 hampir tiga kali ganda parasnya pada tahun 1990, tetapi setiap satu daripada enam buah negara yang ditinjau telah melihat [KDNK per kapita negara itu](#) bertambah hampir empat kali ganda sepanjang tiga dekad lalu (atau malah berkembang pada kadar yang lebih kukuh). Bahkan dengan kadar pertumbuhan ini pun, sedikit saja orang dewasa (kecuali di Singapura) mengidentifikasi diri sebagai tidak bergabung dari segi agama pada hari ini.

Lebih pendidikan tidak dikaitkan secara universal dengan amalan keagamaan

	Luar bandar	Bandar	Perbezaan	Kurang pendidikan	Lebih pendidikan	Perbezaan
<i>% di setiap negara yang berkata bahawa agama adalah sangat penting dalam kehidupan mereka</i>						
Kemboja	68%	65%	+3	69%	54%	+15
Indonesia	99	97	+2	98	98	+1
Malaysia	85	85	+1	86	80	+5
Singapura	--	--	--	42	32	+9
Sri Lanka	92	94	-2	96	90	+6
Thailand	66	64	+2	71	53	+18
<i>% di setiap negara yang mengatakan mereka percaya pada karma</i>						
Kemboja	97	97	0	98	95	+3
Indonesia	84	86	-2	84	86	-2
Malaysia	74	74	0	75	68	+7
Singapura	--	--	--	76	72	+4
Sri Lanka	89	83	+6	86	89	-3
Thailand	95	95	0	95	94	+2
<i>% di setiap negara yang berkata mereka berpendapat bahawa terdapat entiti tidak dapat dilihat di dunia, seperti dewa atau roh</i>						
Kemboja	71	74	-4	73	68	+5
Indonesia	66	68	-2	63	74	-11
Malaysia	58	67	-8	62	73	-10
Singapura	--	--	--	65	76	-10
Sri Lanka	56	55	+1	56	55	+1
Thailand	69	72	-3	69	75	-6
<i>% di setiap negara yang berkata bahawa sangat penting untuk mendirikan tempat keramat atau altar untuk pengebumian saudara yang telah meninggal dunia</i>						
Kemboja	75	72	+3	76	64	+12
Indonesia	35	27	+7	38	18	+19
Malaysia	33	26	+7	30	17	+13
Singapura	--	--	--	36	22	+13
Sri Lanka	56	51	+5	65	51	+14
Thailand	61	53	+7	62	47	+16

Catatan: Perbezaan yang signifikan dari segi statistik ditandakan dalam huruf **tebal**. Perbezaan dikira sebelum pembundaran. Singapura diklasifikasikan sebagai "bandar" semata-mata, oleh itu tiada perbandingan luar bandar-bandar boleh dibuat di situ. Di Malaysia, "subbandar" terangkum dengan "bandar." Bagi tujuan membandingkan kumpulan pendidikan di negara-negara, kami menstandardkan tahap pendidikan berdasarkan Klasifikasi Standard Antarabangsa Pendidikan PBB. Kategori pendidikan lebih rendah adalah di bawah pendidikan menengah, dan kategori yang lebih tinggi adalah menengah atau lebih tinggi di Kemboja, Indonesia, Sri Lanka dan Thailand. Di Malaysia dan Singapura, kategori pendidikan lebih rendah ialah pendidikan menengah atau lebih rendah, dan kategori yang lebih tinggi adalah pascamenengah atau lebih tinggi.

Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran.

"Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara"

PEW RESEARCH CENTER

Secara umum, mereka yang tinggal di persekitaran bandar mempunyai tahap kewarakan atau kerohanian yang sama seperti mereka di lokasi luar bandar. Contohnya, di Malaysia, 74% daripada penduduk bandar dan juga luar bandar berkata bahawa mereka mempercayai karma.⁹ Orang luar bandar adalah sedikit lebih berkemungkinan daripada penduduk bandar untuk mengikut beberapa amalan pengebumian. Contohnya, di Indonesia, 35% daripada penduduk luar bandar berkata bahawa mendirikan tempat keramat adalah sangat penting apabila merancang pengebumian ahli keluarga, berbanding dengan 27% dalam kalangan orang bandar di Indonesia.

Terdapat perkaitan yang agak lebih kuat antara pencapaian pendidikan dan keagamaan. Beberapa ukuran komitmen keagamaan kurang lazim dalam kalangan orang yang telah menerima lebih pendidikan. Contohnya, rakyat Kemboja yang telah menerima sekurang-kurangnya pendidikan menengah kurang berkemungkinan daripada rakyat Kemboja lain untuk berkata bahawa agama adalah sangat penting dalam kehidupan mereka (54% lwn. 69%) atau untuk berkata bahawa tempat keramat adalah sangat penting untuk pengebumian saudara yang telah meninggal dunia (64% lwn. 76%).

Tetapi, sekali lagi, terdapat sebilangan kepercayaan dan amalan yang tidak menunjukkan pola yang dalamnya lebih pendidikan dikaitkan dengan tahap kepercayaan yang lebih rendah. Contohnya, kepercayaan kepada karma adalah kira-kira sama di setiap negara, walau apa pun tahap pendidikan seseorang. Dan orang yang lebih berpendidikan adalah *lebih* berkemungkinan daripada orang dewasa lain untuk berkata mereka berpendapat bahawa terdapat entiti tidak dapat dilihat di dunia, seperti dewa atau roh. Contohnya, di Singapura, 76% daripada orang dewasa berpendidikan kolej percaya bahawa terdapat entiti tidak dapat dilihat, berbanding dengan 65% daripada rakyat Singapura lain.

⁹ Di Malaysia, "subbandar" terangkum dengan "bandar."

Bahagian rakyat Singapura yang mengidentifikasikan diri sebagai penganut Kristian atau tidak bergabung semakin meningkat

Singapura adalah berbeza daripada negara-negara lain yang ditinjau kerana ia tidak mempunyai agama majoriti, dan oleh itu tiada satu agama yang dikaitkan dengan jelas dengan identiti kebangsaan Singapura.

Ia juga menonjol dengan cara yang lain: Meskipun hampir semua orang dewasa di negara-negara lain masih mengidentifikasikan diri dengan agama yang dalamnya mereka dibesarkan, jauh kurang rakyat Singapura (64%) berbuat demikian. “Penukaran agama” ini telah membawa kepada kemerosotan terutamanya dalam bahagian rakyat Singapura yang mengidentifikasikan diri sebagai penganut Buddha atau sebagai pengikut agama tradisional Cina, dan *peningkatan* bahagian yang merupakan penganut Kristian atau tidak bergabung dari segi agama.

Dalam kalangan orang dewasa Singapura, 32% berkata bahawa mereka dibesarkan sebagai penganut Buddha, yang melebihi secara signifikan bahagian yang mengidentifikasikan diri sebagai penganut Buddha pada hari ini (26%). Jurang ini lebih besar apabila berkenaan dengan bahagian yang mengidentifikasikan diri dengan agama tradisional Cina, seperti Taoisme, Konfusianisme atau agama setempat Cina: 15% berkata bahawa mereka dibesarkan dalam tradisi ini, sementara hanya 6% mengidentifikasikan diri dengan agama tradisional Cina pada hari ini.

Sebaliknya, bahagian rakyat Singapura yang mengidentifikasikan diri sebagai penganut Kristian pada hari ini adalah lebih tinggi daripada bahagian yang berkata bahawa mereka dibesarkan sebagai penganut Kristian (17% lwn. 11%). Hal yang sama adalah benar untuk orang dewasa di Singapura yang tidak mengidentifikasikan diri dengan mana-mana agama: 22% daripada orang dewasa berkata bahawa mereka tidak bergabung dari segi agama pada hari ini, berbanding dengan 13% yang berkata mereka dibesarkan tanpa apa-apa agama.

Pola yang serupa boleh dilihat dalam rekod banci Singapura sepanjang beberapa dekad lalu. (Baca [“Identiti keagamaan Singapura yang berubah-ubah”](#) untuk mendapatkan analisis data banci ini.)

Ramai orang dewasa di Singapura melucutkan identiti agama tradisional penganut Buddha, Cina

% daripada *orang dewasa Singapura* yang telah dibesarkan/pada masa ini ...

	Dibesarkan	Pada masa ini	Perubahan bersih
Penganut agama Buddha	32%	26%	-6
Penganut agama Islam	17	18	0
Penganut agama Kristian	11	17	+6
Penganut agama Hindu	8	8	0
Pengikut agama tradisional Cina	15	6	-10
Agama lain	3	4	+1
Tiada agama	13	22	+9

Catatan: Susunan kata pilihan jawapan penuh bagi “Agama tradisional Cina” ialah “Agama tradisional Cina, seperti Tao, Confucius atau kepercayaan setempat Cina.” Bilangan kecil responden yang tidak memberikan agama semasa atau zaman kanak-kanak mereka atau memilih “Kepercayaan setempat” adalah terangkum dalam kategori “Agama lain”. Perbezaan yang signifikan dari segi statistik ditandakan dalam huruf **tebal**. Perbezaan dikira sebelum pembundaran.

Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran.

“Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara”

PEW RESEARCH CENTER

Namun kisah perubahan agama di Singapura bukan semudah bahawa penganut Buddha dan pengikut agama tradisional Cina meninggalkan kepercayaan zaman kanak-kanak mereka untuk memeluk agama Kristian atau menjadi tidak bergabung dari segi agama.

Contohnya, sementara 13% daripada orang dewasa Singapura telah dibesarkan sebagai penganut Buddha tetapi tidak lagi mengidentifikasikan diri sebagai penganut Buddha, bahagian dalam negara itu yang pada masa ini mengidentifikasikan diri sebagai penganut Buddha telah berkurang sebanyak hanya 6 titik peratusan kerana 7% daripada orang dewasa Singapura bertukar agama untuk memeluk agama Buddha (sama ada daripada agama zaman kanak-kanak lain atau daripada tiada agama).


Dan manakala 15% daripada populasi dewasa negara itu telah meninggalkan agama zaman kanak-kanak untuk menjadi tidak bergabung dari segi agama, bahagian rakyat Singapura yang mengidentifikasikan diri dengan tiada agama telah mendapat peningkatan *bersih* sebanyak 9 titik sahaja, kerana 6% daripada populasi dewasa telah bergerak ke arah yang bertentangan: Mereka merupakan orang yang dibesarkan tanpa apa-apa gabungan keagamaan tetapi sejak itu telah memeluk sesuatu agama (kebanyakannya agama Buddha atau Kristian).

Walaupun pusran keagamaan yang berterusan dan faktor lain juga akan mempengaruhi komposisi agama Singapura pada masa hadapan, cara yang dengannya ibu bapa semasa berkata mereka membesarkan anak-anak mereka menunjukkan bahawa penganut Buddha mungkin terus menurun sebagai sebahagian daripada populasi keseluruhan.

Hanya dua pertiga daripada ibu bapa beragama Buddha berkata bahawa mereka membesarkan anak-anak mereka sebagai penganut Buddha; kira-kira satu perempat (27%) berkata bahawa anak-anak mereka dibesarkan tanpa agama. Sebaliknya, bahagian yang jauh lebih tinggi ibu bapa beragama Islam (99%) dan Kristian (90%) di Singapura berkata bahawa mereka masing-masing sedang membesarkan anak-anak mereka sebagai penganut Islam dan penganut Kristian. Dan tinjauan mendapati bahawa 85% daripada ibu bapa yang tidak bergabung dari segi agama sedang membesarkan anak-anak mereka tanpa sesuatu agama.

15% daripada orang dewasa Singapura telah menamatkan gabungan daripada sesuatu agama sejak zaman kanak-kanak

% daripada orang dewasa Singapura yang telah ...



Catatan: Susunan kata pilihan jawapan penuh bagi "Agama tradisional Cina" ialah "Agama tradisional Cina, seperti Tao, Confucius atau kepercayaan setempat Cina." Bilangan kecil responden yang tidak memberikan agama semasa atau zaman kanak-kanak mereka atau memilih "Kepercayaan setempat" adalah terangkum dalam kategori "Agama lain", namun demikian, penentuan status penukaran telah ditentukan oleh padanan antara kategori respons soalan, bukan perkumpulan tergabung.

Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran. "Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara"

PEW RESEARCH CENTER

“Sidebar”: Identiti keagamaan Singapura yang berubah-ubah

Mengikuti banci kebangsaan, komposisi keagamaan Singapura pada hari ini berbeza sekali daripada 40 tahun yang lalu.¹⁰ Di samping [pertumbuhan ekonomi yang pesat](#), mereka yang tidak bergabung dari segi agama telah meningkat daripada 13% menjadi 20% daripada populasi dewasa. Walau bagaimanapun, tempoh ini juga telah menyaksikan penganut Kristian kira-kira berganda dua sebagai sebahagian daripada populasi kebangsaan, daripada 10% pada tahun 1980 menjadi 19% pada tahun 2020.


Selepas peningkatan antara tahun 1980 dan 2000 (daripada 27% menjadi 43%), populasi penganut Buddha Singapura sejak itu telah menurun ke paras tahun 1990 (31%).

Sementara itu, bahagian orang dewasa Singapura yang mengidentifikasikan diri dengan kepercayaan tradisional Cina (termasuk Taoisme) telah menurun daripada 30% pada tahun 1980 menjadi kira-kira satu-dalam-sepuluh pada tahun 2000 dan pada umumnya telah stabil sejak masa itu.¹¹

Sejak tahun 1980, peratusan rakyat Singapura yang mengidentifikasikan diri sebagai penganut Islam, Hindu dan agama lain telah tetap agak stabil.

Peningkatan bilangan golongan dewasa Singapura beridentiti sebagai penganut Kristian atau tidak bergabung dari aspek agama

% daripada **orang dewasa Singapura** yang dikategorikan ke dalam setiap komuniti agama, berdasarkan data banci



Catatan: Banci pertama pascakemerdekaan (1970) tidak merangkumi agama sebagai soalan. Agama Sikh terangkum dalam “Agama Lain.” Orang dewasa merupakan mereka yang berumur 18 tahun dan lebih tua.

Sumber: Jabatan Statistik Singapura, banci sepuluh tahunan.

“Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara”

PEW RESEARCH CENTER

¹⁰ Angka-angka banci untuk tahun 2000, 2010 dan 2020 adalah daripada laman web Jabatan Statistik Singapura. Angka-angka untuk tahun 1980 dan 1990 disediakan oleh Jabatan Statistik atas permintaan.

¹¹ Kepercayaan Tradisional Cina dan Taoisme dipertimbangkan bersama-sama dalam banci Singapura.

Siapakah orang di Singapura yang tidak mengidentifikasi diri dengan sesuatu agama, dan apakah yang dipercayai oleh mereka?

Jelas berbeza daripada populasi berjiran yang dalamnya hampir semua orang mendakwa sesuatu gabungan dari segi agama, kira-kira satu-dalam-lima rakyat Singapura tidak mengidentifikasi diri dengan mana-mana agama – suatu kumpulan yang kadang-kadang disebut sebagai kumpulan “tiada.” Sebahagian yang amat besar daripada kumpulan “tiada” Singapura berketurunan Cina dan kebanyakannya berpendidikan kolej.

Mengikut beberapa ukuran, populasi Singapura yang tidak bergabung dari segi agama nampaknya tidak warak sangat atau bersifat spiritual. Contohnya, hanya 3% daripada kumpulan “tiada” negara itu berkata bahawa agama adalah sangat penting dalam kehidupan mereka, berbanding dengan 36% daripada orang dewasa Singapura pada keseluruhannya.

Tetapi sebagai sesuatu kumpulan, mereka yang tidak bergabung dari segi agama di Singapura tidak menafikan kepercayaan dan amalan keagamaan atau kerohanian dengan sepenuhnya. Hampir dua pertiga daripada kumpulan “tiada” (65%) berkata mereka berpendapat bahawa karma wujud, dan 43% berkata bahawa seseorang dapat merasakan kehadiran ahli keluarga yang telah meninggal dunia – kira-kira sebanding dengan bahagian penganut Islam (47%) dan penganut Kristian (43%) di Singapura yang mengatakan hal yang sama.

Majoriti daripada kumpulan “tiada” agama di Singapura berkata bahawa mereka percaya kepada Tuhan atau entiti tidak dapat dilihat

% daripada orang dewasa Singapura yang berkata ...

	Mereka percaya kepada Tuhan atau entiti tidak dapat dilihat	Mereka berpendapat karma wujud	Seseorang dapat merasakan kehadiran ahli keluarga yang telah meninggal dunia	Mereka berpendapat hasad dengki (jahat hati) wujud	Mereka pernah membakar colok/kemeyan	Agama sangat penting dalam kehidupan mereka	Mereka pernah mengamalkan meditasi
Populasi umum	87%	73%	51%	47%	44%	36%	26%
Penganut agama Buddha	91	90	60	49	77	20	32
Tiada agama	62	65	43	26	39	3	18
Penganut agama Islam	100	76	47	81	8	83	15
Penganut agama Kristian	100	46	43	34	15	61	27
Penganut agama Hindu	98	95	71	68	67	52	58
Pengikut agama tradisional Cina	90	86	68	52	86	13	20

Catatan: Cahaya warna yang lebih gelap melambangkan nilai yang lebih tinggi. Responden telah ditanya secara berasingan sama ada mereka percaya kepada Tuhan atau jika mereka berpendapat bahawa terdapat entiti tidak dapat dilihat di dunia, seperti dewa atau roh. Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran.

“Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara”

PEW RESEARCH CENTER

Apabila ditanya tentang merancang pengebumian ahli keluarga atau orang yang disayangi, ramai daripada kumpulan “tiada” agama di Singapura juga mementingkan aktiviti yang boleh dianggap sebagai spiritual atau warak.

Contohnya, 52% daripada mereka yang mendakwa tiada agama berkata bahawa adalah penting untuk melakukan ritual di kuil untuk arwah saudara yang meninggal, dan 46% berpendapat bahawa penting untuk mendirikan altar untuk saudara yang telah meninggal dunia.


Semua orang yang menjawab tinjauan telah ditanya sama ada mereka percaya kepada Tuhan dan, secara berasingan, jika mereka berpendapat bahawa terdapat entiti tidak dapat dilihat di dunia, seperti dewa atau roh.

Kira-kira empat-dalam-sepuluh rakyat Singapura yang tidak bergabung dari segi agama (41%) berkata bahawa mereka percaya kepada Tuhan, dan majoriti tipis (56%) berpendapat bahawa terdapat entiti tidak dapat dilihat di dunia. Kira-kira enam-dalam-sepuluh kumpulan “tiada” Singapura (62%) mempercayai *sekurang-kurangnya satu* daripada kepercayaan ini.


Ahli kumpulan “tiada” yang merupakan wanita lebih berkemungkinan daripada lelaki yang tidak bergabung dari segi agama untuk percaya kepada Tuhan dan/atau entiti tidak dapat dilihat (68% lwn. 57%). Tambahan pula, rakyat Singapura yang telah dibesarkan dalam sesuatu agama tetapi tidak bergabung sebagai orang dewasa adalah lebih berkemungkinan untuk percaya kepada Tuhan atau entiti tidak dapat dilihat (66%) daripada rakyat Singapura yang dibesarkan tanpa gabungan keagamaan dan masih merupakan ahli kumpulan “tiada” pada hari ini (52%).

Majoriti daripada rakyat tidak bergabung Singapura yang percaya kepada Tuhan, entiti tidak dapat dilihat juga berpendapat bahawa karma wujud

Dalam kalangan orang dewasa Singapura yang tidak bergabung dari segi agama yang _____, % yang berkata bahawa ...



Bahawa jika mereka merancang pengebumian untuk ahli keluarga atau orang yang disayangi, adalah penting untuk ...



Catatan: Responden telah ditanya secara berasingan sama ada mereka percaya kepada Tuhan atau jika mereka berpendapat bahawa terdapat entiti tidak dapat dilihat di dunia, seperti dewa atau roh. Semua perbezaan adalah signifikan dari segi statistik. Perbezaan dikira sebelum pembundaran.

Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran. “Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara”

PEW RESEARCH CENTER

Mengikuti hampir setiap ukuran yang terangkum dalam tinjauan ini, mereka yang tidak bergabung dari segi agama yang berkata bahawa mereka percaya kepada Tuhan dan/atau entiti tidak dapat dilihat (ahli kumpulan “tiada yang percaya”) adalah lebih berkemungkinan daripada ahli kumpulan “tiada” lain untuk mempunyai hubungan dengan konsep kerohanian dan keagamaan. Contohnya, majoriti besar kumpulan “tiada yang percaya” juga berpendapat bahawa karma wujud (84%), tetapi hanya 36% daripada kumpulan “tiada” lain di Singapura mempercayai karma. Dan mereka yang tidak bergabung dari segi agama yang percaya kepada Tuhan dan/atau entiti tidak dapat dilihat adalah jauh lebih berkemungkinan daripada orang lain untuk berkata bahawa adalah penting untuk melakukan ritual di kuil untuk arwah saudara yang meninggal apabila merancang pengebumian (63% lwn. 36%).

Bagaimana mereka yang mengaitkan identiti keagamaan dengan identiti kebangsaan adalah berbeza daripada orang lain


Beberapa orang sarjana serantau telah mengambil maklum tentang [sokongan yang semakin meningkat terhadap gerakan bersemangat kebangsaan](#) yang tertumpu pada [agama majoriti setiap negara](#).¹²

Seperti yang diterangkan di atas, ramai ahli majoriti keagamaan di setiap negara (penganut Buddha di Kemboja, Sri Lanka dan Thailand, serta penganut Islam di Indonesia dan Malaysia) berkata bahawa sangat penting untuk menjadi ahli kumpulan agama mereka untuk benar-benar berkongsi identiti kebangsaan mereka. Ramai juga berkata bahawa mereka ingin undang-undang masyarakat mereka didasarkan pada ajaran agama mereka.

Orang yang mempunyai salah satu pendirian ini terutamanya berkemungkinan untuk mempunyai pendirian yang satu lagi. Dan mereka yang menyatakan *kedua-dua* pandangan ini disebut dalam bahagian ini sebagai **“penyokong integrasi agama-kerajaan.”** (Pada umumnya, integrasi agama-kerajaan boleh difahami sebagai sesuatu yang bertentangan dengan “pemisahan gereja dan kerajaan,” iaitu prinsip bahawa kuasa kerajaan seharusnya tidak digunakan untuk memaksa atau

Penganut Buddha Kemboja hampir kesemuanya menyokong usaha menjadikan dharma Buddha dasar undang-undang

% yang ...



Catatan: Di Kemboja, Sri Lanka dan Thailand, responden ditanya tentang kepentingan menjadi penganut Buddha bagi identiti kebangsaan dan usaha menjadikan dharma Buddha dasar undang-undang. Di Indonesia dan Malaysia, responden ditanya tentang kepentingan menjadi penganut Islam bagi identiti kebangsaan dan menjadikan undang-undang syariah sebagai undang-undang rasmi negara itu.

Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran.

“Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara”

PEW RESEARCH CENTER

¹² Barr, Michael D. 2010. [“Pengislaman Malaysia: Nasionalisme keagamaan yang membantu nasionalisme etnik.”](#) Jurnal Hal Ehwai Antarabangsa Australia. Juga rujuk kepada Tonsakulrungruang, Khemthong. 2021. [“Kebangkitan semula nasionalisme penganut Buddha di Thailand dan kesan buruknya terhadap kebebasan beragama.”](#) Jurnal Undang-undang dan Masyarakat Asia. Dan baca yang berikut untuk mendapatkan maklumat mengenai sejarah nasionalisme Kemboja baru-baru ini yang berlainan: Keyes, Charles. 2016. [“Agama Buddha Theravada dan nasionalisme penganut Buddha: Sri Lanka, Myanmar, Kemboja dan Thailand.”](#) Ulasan Kepercayaan & Hal Ehwai Antarabangsa.

menggalakkan agama, yang diikuti secara sah atau tradisi [di Amerika Syarikat](#) dan [beberapa negara lain.](#))

Majoriti penganut Islam di Indonesia (57%) dan Malaysia (69%) merupakan penyokong integrasi agama-kerajaan, begitu juga kebanyakan penganut Buddha di Sri Lanka (72%) dan Kemboja (75%). Minoriti besar penganut Buddha Thai (45%) juga tergolong dalam kategori ini.

‘Penyokong integrasi agama-kerajaan’ adalah terutamanya warak

Penyokong integrasi agama-kerajaan menonjol daripada ahli lain komuniti agama mereka dengan pelbagai cara.

Walaupun rantau itu pada keseluruhannya sangat warak, penyokong integrasi agama-kerajaan secara amnya adalah *lebih* warak daripada orang lain, mengikut banyak jenis ukuran.

Contohnya, dalam kalangan penganut Buddha Kemboja, mereka yang berkata bahawa agama adalah sangat penting untuk menjadi penganut Buddha untuk menjadi rakyat Kemboja yang sebenar dan juga bahawa undang-undang Kemboja seharusnya didasarkan pada dharma Buddha, adalah jauh lebih berkemungkinan daripada penganut Buddha lain untuk berkata bahawa agama adalah sangat penting dalam kehidupan mereka (72% lwn. 48%).


Sikap yang berkaitan dengan pengebumian menunjukkan jurang yang serupa.

Contohnya, kira-kira tiga perempat daripada kumpulan penyokong integrasi agama-


kerajaan dalam komuniti penganut Islam Indonesia berkata bahawa menjemput seorang imam atau syeikh untuk membaca teks suci atau berdakwah adalah sangat penting apabila merancang pengebumian ahli keluarga yang telah meninggal dunia, berbanding dengan kira-kira dua pertiga dalam kalangan penganut Islam lain di negara itu (77% lwn. 64%).

Mereka yang mengaitkan dengan kuat negara dan agama mereka adalah lebih berkemungkinan bersifat warak

% yang berkata bahawa agama adalah **sangat penting** dalam kehidupan mereka



% yang berkata bahawa menjemput seorang pemimpin agama untuk membaca teks suci atau berdakwah adalah **sangat penting** apabila merancang pengebumian untuk ahli keluarga atau orang yang disayangi*



* Penganut Buddha telah ditanya tentang “sami atau orang yang berilmu.” Penganut Islam telah ditanya tentang “imam atau syeikh.”

Catatan: Perbezaan yang signifikan dari segi statistik ditandakan dalam huruf **tebal**.

Perbezaan dikira sebelum pembundaran. “Penyokong integrasi agama-kerajaan”

merupakan mereka yang berkata bahawa agama adalah sangat penting untuk menjadi ahli

komuniti agama mereka untuk benar-benar berkongsi identiti kebangsaan dan bahawa

mereka ingin undang-undang masyarakat mereka didasarkan pada agama mereka.

Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam

buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran.

“Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara”

PEW RESEARCH CENTER

(Untuk mendapatkan lebih maklumat mengenai tahap umum kewarakan di rantau ini, termasuk dalam kalangan komuniti minoriti, baca [Bab 3](#) dan [Bab 4](#) dalam bahasa Inggeris. Untuk mendapatkan lebih maklumat mengenai amalan pengebumian, rujuk kepada [Bab 5](#) dalam bahasa Inggeris.)

Penyokong integrasi agama-kerajaan juga:

- Lebih berkemungkinan daripada penganut Buddha atau Islam lain di negara mereka untuk menyokong penglibatan pemimpin agama dalam bidang politik
- Kurang berkemungkinan untuk mengingini jiran daripada agama minoriti
- Sedikit lebih berkemungkinan untuk melihat ancaman terhadap agama mereka daripada komuniti agama minoriti

Pada umumnya, hubungan ini terpakai walaupun apabila mengawal bagi faktor lain, seperti tahap kewarakan peribadi, umur, jantina dan pendidikan. Dengan kata lain, **korelasi antara pandangan mengenai hubungan antara agama dan kerajaan dan pendapat mengenai isu-isu lain ini wujud melebihi hakikat bahawa penyokong integrasi agama-kerajaan adalah lebih warak.** Penyokong integrasi agama-kerajaan di Kemboja kadang-kadang melawan trend yang dilihat di empat negara lain yang ditinjau.

Agama dalam bidang politik


Sebagaimana yang mungkin dijangka, penyokong integrasi agama-kerajaan adalah agak lebih berkemungkinan daripada orang lain dalam komuniti mereka untuk menyokong penglibatan langsung pemimpin agama dalam bidang politik.

Di Thailand, contohnya, penganut Buddha yang mengaitkan identiti penganut Buddha dan identiti Thai dan berkata bahawa undang-undang Thai seharusnya didasarkan pada dharma Buddha adalah kira-kira dua kali ganda lebih berkemungkinan daripada penganut Buddha lain untuk berkata bahawa pemimpin agama seharusnya menjadi ahli politik (31% lwn. 16%).


Namun begitu, dalam kalangan penyokong integrasi agama-kerajaan pun, kira-kira separuh atau kurang berkata bahawa pemimpin agama seharusnya menjadi ahli politik, berbincang secara terbuka mengenai ahli politik yang disokong, atau mengambil bahagian dalam bantahan politik. Penganut Islam di Indonesia dan Malaysia lebih berkecenderungan untuk menyokong penglibatan pemimpin agama dalam bidang politik.

Penyokong integrasi agama-kerajaan adalah lebih berkemungkinan daripada orang lain untuk menyokong pemimpin agama menjadi ahli politik


% yang berkata bahawa pemimpin agama seharusnya menjadi ahli politik



% yang berkata bahawa pemimpin agama seharusnya berbincang secara terbuka mengenai ahli politik dan parti politik yang disokong



% yang berkata bahawa jika seseorang tidak menghormati negara mereka, mereka tidak boleh benar-benar menjadi sebahagian daripada agama mereka



Catatan: Perbezaan yang signifikan dari segi statistik ditandakan dalam huruf **tebal**. Perbezaan dikira sebelum pembundaran. "Penyokong integrasi agama-kerajaan" merupakan mereka yang berkata bahawa adalah sangat penting untuk menjadi ahli komuniti agama mereka untuk benar-benar berkongsi identiti kebangsaan dan bahawa mereka ingin undang-undang masyarakat mereka didasarkan pada agama mereka. Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran. "Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara"

PEW RESEARCH CENTER

Ahli komuniti agama majoriti yang mengaitkan dengan kuat agama mereka dengan identiti kebangsaan juga lebih berkemungkinan daripada orang lain untuk berkata bahawa tidak menghormati negara mereka menghilangkan kelayakan seseorang untuk benar-benar menjadi sebahagian daripada agama mereka. Dalam kalangan penganut Buddha Sri Lanka, 73% daripada penyokong integrasi agama-kerajaan berkata bahawa jika seseorang tidak menghormati Sri Lanka, mereka tidak boleh menjadi penganut Buddha sebenar – melebihi secara signifikan bahagian penganut Buddha lain di Sri Lanka yang berkata bahawa tidak menghormati Sri Lanka menghilangkan kelayakan seseorang untuk menjadi penganut Buddha (62%).

(Untuk mendapatkan lebih maklumat mengenai peranan pemimpin agama dalam bidang politik, baca [Bab 7](#) dalam bahasa Inggeris. Untuk mendapatkan lebih maklumat mengenai aktiviti apa yang akan menghilangkan kelayakan seseorang untuk menjadi sebahagian daripada komuniti agama, rujuk kepada [Bab 2](#) dalam bahasa Inggeris.)

Pandangan terhadap agama minoriti

Nasionalisme penganut


Buddha telah dikaitkan dengan antagonisme dan keganasan antara penganut Buddha dan kumpulan beragama minoriti di negara-negara yang dikuasai oleh agama Buddha Theravada, termasuk semasa perang saudara Sri Lanka. Begitu juga beberapa sarjana telah menegaskan bahawa terdapat hubungan antara “nasionalisme keagamaan” yang meningkat dengan xenofobia di Indonesia, sebuah negara majoriti penganut Islam.

Pada umumnya, orang yang berkata bahawa adalah sangat penting untuk menjadi ahli komuniti agama mereka untuk benar-benar berkongsi identiti kebangsaan *dan* bahawa mereka ingin undang-undang masyarakat mereka didasarkan pada agama mereka adalah kurang berkemungkinan untuk melihat agama lain sebagai serasi dengan budaya dan nilai-nilai negara mereka. Mereka juga kurang berkemungkinan untuk menerima pengikut agama lain sebagai jiran – walaupun kebanyakan penyokong integrasi agama-kerajaan berkata bahawa mereka *akan* sanggup menerima orang daripada agama lain sebagai jiran.


Contohnya, dalam kalangan penganut Islam Indonesia, penyokong integrasi agama-kerajaan adalah kurang berkemungkinan daripada penganut Islam lain untuk berkata bahawa agama Kristian adalah serasi dengan budaya dan nilai-nilai Indonesia (53% lwn. 63%) atau untuk berkata bahawa mereka akan menerima penganut Kristian sebagai jiran (64% lwn. 77%). Pola ini terpakai

Penyokong integrasi agama-kerajaan kurang sanggup menerima jiran penganut Kristian

% yang berkata bahawa agama Kristian adalah serasi dengan budaya dan nilai-nilai negara mereka



% yang berkata bahawa mereka akan sanggup menerima penganut Kristian sebagai jiran



Catatan: Perbezaan yang signifikan dari segi statistik ditandakan dalam huruf **tebal**. Perbezaan dikira sebelum pembundaran. “Penyokong integrasi agama-kerajaan” merupakan mereka yang berkata bahawa adalah sangat penting untuk menjadi ahli komuniti agama mereka untuk benar-benar berkongsi identiti kebangsaan dan bahawa mereka ingin undang-undang masyarakat mereka didasarkan pada agama mereka. Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran. “Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara”

PEW RESEARCH CENTER

secara umum apabila bertanya tentang komuniti agama lain, seperti penganut Hindu dan pengikut agama tradisional Cina.

Namun demikian, penganut Buddha Kemboja menonjol. Tidak terdapat perbezaan signifikan antara penyokong integrasi agama-kerajaan dan penganut Buddha lain di Kemboja mengenai apa-apa soalan tentang keserasian agama lain dengan budaya dan nilai-nilai Kemboja atau bakal jiran.

(Untuk mendapatkan lebih maklumat mengenai sikap terhadap kumpulan agama lain di negara-negara yang ditinjau, baca [Bab 6](#) dalam bahasa Inggeris.)

Mereka yang mengaitkan agama dengan identitas kebangsaan dan berkata bahwa undang-undang kebangsaan mereka seharusnya didasarkan pada agama, adalah sedikit lebih berkemungkinan untuk berkata bahwa bilangan pelbagai minoriti keagamaan yang semakin meningkat ialah ancaman terhadap agama Buddha atau Islam di negara mereka.


Contohnya, tiga-dalam-sepuluh penganut Buddha Thai yang merupakan penyokong integrasi agama-kerajaan berkata bahwa bilangan penganut Kristian yang semakin meningkat di Thailand ialah ancaman terhadap agama Buddha Thai – melebihi 21% daripada penganut Buddha Thai lain yang menyuarakan pendapat ini.

(Soalan ini telah dibentuk untuk mengukur keseimbangan demografi, tanpa menghiraukan sama ada populasi minoriti ini sebenarnya meningkat atau tidak di negara-negara yang ditinjau.)


Pada umumnya, penyokong integrasi agama-kerajaan juga agak lebih berkemungkinan daripada penganut Buddha atau Islam lain untuk berkata bahwa pelancong dari negara lain dan pengaruh negara China merupakan ancaman terhadap agama Buddha dan Islam di

Penyokong integrasi agama-kerajaan adalah lebih berkemungkinan untuk melihat ancaman dalam pertumbuhan populasi beragama minoriti


% yang berkata bahawa bilangan penganut Kristian yang semakin meningkat ialah ancaman terhadap agama Buddha/Islam di negara mereka




% yang berkata bahawa bilangan penganut Islam yang semakin meningkat ialah ancaman terhadap agama Buddha di negara mereka



% yang berkata bahawa bilangan penganut Buddha yang semakin meningkat ialah ancaman terhadap agama Islam di negara mereka



% yang berkata bahawa pelampau daripada komuniti mereka sendiri ialah ancaman terhadap agama Buddha/Islam di negara mereka



Catatan: Penganut Buddha telah ditanya tentang ancaman terhadap agama Buddha; penganut Islam telah ditanya tentang ancaman terhadap agama Islam. Perbezaan yang signifikan dari segi statistik ditandakan dalam huruf **tebal**. Perbezaan dikira sebelum pembundaran. “Penyokong integrasi agama-kerajaan” merupakan mereka yang berkata bahwa adalah sangat penting untuk menjadi ahli komuniti agama mereka untuk benar-benar berkongsi identitas kebangsaan dan bahwa mereka ingin undang-undang masyarakat mereka didasarkan pada agama mereka.

Sumber: Tinjauan dijalankan 1 Jun-4 Sept. 2022, dalam kalangan orang dewasa di enam buah negara Asia Selatan dan Tenggara. Baca Metodologi untuk mendapatkan butiran. “Agama Buddha, Islam dan Pluralisme Agama di Asia Selatan dan Tenggara”

PEW RESEARCH CENTER

negara mereka. Walau bagaimanapun, mereka tidak lebih berkemungkinan untuk melihat pelampau daripada komuniti mereka sendiri sebagai ancaman terhadap agama Buddha atau Islam di negara mereka. Dalam kalangan penganut Buddha Sri Lanka, contohnya, kira-kira tiga perempat daripada penyokong integrasi agama-kerajaan serta orang lain berkata bahawa pelampau penganut Buddha merupakan ancaman terhadap agama Buddha di Sri Lanka (masing-masing 73% dan 75%).

Pada umumnya, begitu juga tiada perbezaan antara kumpulan-kumpulan di sesebuah negara apabila ditanya sama ada pengaruh Amerika Syarikat merupakan suatu ancaman.

Seperti juga dengan tajuk lain, tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai ancaman tanggapan terhadap agama Buddha di Kemboja antara penganut Buddha yang dikelaskan atau yang tidak dikelaskan sebagai penyokong integrasi agama-kerajaan. (Untuk mendapatkan lebih maklumat mengenai sikap tentang ancaman tanggapan terhadap agama Buddha dan Islam, rujuk kepada [Bab 6](#) dalam bahasa Inggeris.)

Ringkasan dapatan ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu daripada versi asalnya dalam bahasa Inggeris.